

Kejohanan Bowling Erat Hubungan Warga Kampus UMP



Kuantan, 23 Mei – Seramai 60 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan bergabung tenaga dan mempamerkan aksi cemerlang dalam Kejohanan Bowling Tertutup Kampus UMP Pekan yang berlangsung di Pusat Bowling Kuantan Megalanes di Berjaya Megamall baru-baru ini.

Program dianjurkan Bahagian Pentadbiran Kampus Pekan dengan kerjasama Pusat Sukan dan Badan Kebajikan Sukan Staf Universiti (BKSU) serta mendapat kerjasama daripada Kelab Kebajikan Staf setiap pusat tanggungjawab di kampus UMP Pekan.

Menurut Timbalan Pendaftar, Zainuddin Mat Husin, penganjurannya yang masuk kali kedua ini adalah diadakan secara tahunan dan berbentuk santai selain menonjolkan sikap kerjasama dalam kumpulan. "Malahan ianya secara tidak langsung dapat memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan staf universiti"katanya. Turut sama menyertai program adalah Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Profesor Madya Dr. Hamzah Ahmad dan Ketua Pusat Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail.



Selain pertandingan mewarna kanak-kanak, mereka yang hadir turut membawa pulang pelbagai hadiah dalam acara yang dijalankan sepanjang kejohanan. Sebanyak 55 hadiah cabutan bertuah telah disediakan kepada peserta di samping hadiah utama kepada individu dan kumpulan. Konsep kejohanan yang berbentuk kumpulan campuran daripada pelbagai jabatan berjaya menyemai semangat pasukan yang tinggi dan mengeratkan siratulrahim antara staf.



Dalam pertandingan ini menyaksikan juara dimenangi Kumpulan 2 yang diangotai Nor Hafizah Nabila Abdul Rashid (Pusat Sukan), Mohd Akhmal Hakim Roszaharni (Perpustakaan), Ahmad Firdaus Ramli (JPPH) dan Dr. Ayib Rosdi Zainun (FKEE) manakala juara individu (lelaki) adalah Mustafa Kamal Daud dari Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan juara individu (wanita) dimenangi oleh Siti Murzalina SH. Murad dari FKEE.

Berita dan gambar disediakan oleh Ahmad Hilmy Agir dari Jabatan Pendaftar UMP Kampus Pekan.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 28-05-2015, 14:26:16